

Kami Berbesar Hati kerana **Dihargai** atas Kerja yang Kami Lakukan untuk Anda.

Pengendali Takaful Terbaik (Asia)
daripada Islamic Business and Finance pada 2012 dan 2014



LAPORAN DANA TAKAFULINK 2014

Laporan dan Penyata Takafulink
untuk tahun berakhir 31 Disember 2014

PRUDENTIAL BSN
TAKAFUL

Kandungan

- | | | |
|---|--|-----------------------------------|
| 2 Perutusan dari Ketua Pegawai Eksekutif | 15 Sorotan Kewangan | 39 Nota-nota kepada Akaun |
| 5 Objektif Dana | 27 Penyata Aset dan Liabiliti | 41 Laporan Pengarah |
| 6 Ulasan Pelaburan | 31 Penyata Pertukaran dalam Nilai Aset Bersih | 42 Laporan Juruaudit Bebas |
| 11 Prestasi Dana | 35 Penyata Pendapatan & Perbelanjaan | |
| 12 Tinjauan Pelaburan | | |

Pemegang Sijil yang Dihormati,

Kami berbesar hati untuk menyampaikan kepada anda Laporan Dana Takafulink 2014 bagi Prudential BSN Takaful Berhad. Laporan ini juga boleh didapati dalam laman web kami di www.prubsn.com.my.

Pada tahun 2014, kami telah menerima
3 Anugerah Berprestij.

Kami Berbesar Hati kerana **Dihargai** atas
Kerja yang Kami Lakukan untuk Anda.



- 1 The Asset Triple A Islamic Finance Awards 2014**
Institusi Takaful Terbaik
- 2 MTA Takaful Starnite Awards 2014**
Pengendali Takaful Terbaik untuk Perniagaan Agensi Takaful Keluarga
- 3 Islamic Business & Finance Awards 2014**
Pengendali Takaful Terbaik (Asia)

PERUTUSAN DARI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Para Pemegang Sijil Takafulink PruBSN, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Setahun sudah berlalu dan seperti lazimnya, fokus kami kekal bersama para pelanggan kami dalam memastikan kami menyediakan hanya yang terbaik buat anda. Sambutan ulangtahun kami yang ke-8 tahun lalu membuktikan fokus kami yang khusus terhadap perkhidmatan dan inovasi selama lapan tahun. Itu menjadikan 2014 satu lagi tahun yang mengujakan. Bersama dengan Laporan Dana Takafulink 2014 ini, saya ingin menyampaikan rasa terima kasih dan kekaguman kepada semua warga kerja kami, ejen kami, dan terutamanya anda sebagai pelanggan kami, atas kesetiaan dan sokongan berterusan anda.

Pasaran global pada 2014 dikuasai oleh ketidakseimbangan atas faktor geopolitik yang semakin tegang di beberapa kawasan di Timur Eropah dan Timur Tengah, harga minyak yang merudum serta jual turun serantau. Ekonomi Malaysia tidak terkecuali daripada krisis-krisis ini seperti yang ditunjukkan oleh susut nilai Ringgit dan Indeks Shariah Emas FBM tahun lepas. Namun, melalui data ekonomi AS yang semakin kukuh kebelakangan ini, beberapa ekonomi utama lain telah menunjukkan tanda-tanda awal pemulihan. Di Malaysia, meskipun berdepan halangan luar, GDP mencatatkan pertumbuhan membanggakan sebanyak 6% pada 2014 dan tahun 2015 dijangka kekal berjaga-jaga tetapi optimis walaupun berhadapan dengan kelemahan permintaan pengguna akibat daripada kelemahan matawang dan Cukai Barang dan Perkhidmatan yang bakal dilaksanakan.



Azim Mithani
Ketua Pegawai Eksekutif,
Prudential BSN Takaful Berhad

Perutusan dari Ketua Pegawai Eksekutif

Pada 2014, perniagaan kami telah menghasilkan pertumbuhan Sumbangan Tahunan Setara (ACE)¹ Perniagaan Baru sebanyak 26.4% tahun-ke-tahun untuk mencapai RM340.1 juta. Keputusan ini bermaksud kami berjaya mengekalkan kedudukan sebagai Pengendali Takaful Keluarga Nombor Satu negara untuk tahun keempat berturut-turut. Kami juga berbesar hati dengan pencapaian konsisten kesemua dana kami. Hasil perbandingan yang dibuat oleh Lipper IM² dengan kelompok industri seangkatan, Takafulink Dana Urus kami berada pada kedudukan Nombor 1 dengan rekod pulangan 60.9% sepanjang tempoh 5 tahun. Sorotan kewangan utama lain bagi kesemua dana Takafulink kami boleh dilihat dalam mukasurat laporan ini seterusnya, yang saya harap dapat memenuhi keperluan perancangan kewangan anda untuk tahun mendatang.

PruBSN adalah lebih daripada sekadar portfolio yang luas dan berjaya. Perniagaan kami adalah di mana Inovasi dan Kreativiti subur dan membentuk budaya kami, falsafah kami dan segalanya yang kami lakukan, setiap hari. Beberapa tahun kebelakangan menyaksikan kami berusaha keras ke arah pertumbuhan platform teknologi kami. Sejak Disember 2013, kami telah memperkasakan para ejen dan pengedar kami dengan PruBSN mobility, satu aplikasi tablet penyelesaian jualan profesional yang membolehkan mereka mempromosikan rangkaian penyelesaian takaful inovatif kami dengan segera secara maya. Kami turut perkembangan ini dengan melengkapkan PruBSN mobility dengan gerbang aplikasi dongle yang pertama dalam industri - iaitu penyelesaian jualan bergerak dengan jaminan keselamatan menggunakan telefon pintar dan tablet – memberikan para pelanggan kami kemudahan dan keselesaan tanpa tandingan bagi pembelian pelan-pelan kami.

Begitu juga, aplikasi untuk pelanggan kami iaitu PruBSN Navigator turut mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan lebih 16,000 muat turun. Berpegang erat kepada semangat inovatif, kami menghasilkan satu lagi aplikasi telefon percuma yang dipanggil PruBSN Insan, sebagai panduan mudah untuk para Muslimin mencari maklumat berkenaan aspek keagamaan. Apa kata anda muat turun kedua-duanya sekiranya anda belum lagi berbuat demikian?

Pelbagai produk peneraju pasaran unik telah dihasilkan semenjak awal penglibatan kami, yang dilengkapi dengan gabungan perkhidmatan agar kami dapat menyediakan penyelesaian yang tepat buat para pelanggan kami. Inovasi terkini kami iaitu PruBSN UmmahLink, menggabungkan perlindungan, simpanan dan pelaburan secara unik yang mampu memenuhi aspirasi jangka panjang seseorang sama ada untuk menunaikan Haji atau Umrah, membina dana pendidikan atau persaraan, mahupun untuk simpanan buat rumah idaman.

¹ Sumbangan Tahunan Setara (Annual Premium Equivalent, APE atau Annual Contribution Equivalent, ACE) merupakan piawaian global yang digunakan secara meluas untuk mengukur pencapaian perniagaan baru bagi syarikat insurans dan takaful. APE atau ACE ialah jumlah keseluruhan premium biasa daripada perniagaan baru (+) 10% daripada jumlah keseluruhan premium tunggal untuk perniagaan yang tertulis untuk tahun tersebut.

² Lipper IM ialah sebuah syarikat Thomson Reuters yang juga merupakan pemimpin global khusus dalam membekalkan informasi berkaitan dana amanah, alat analisis, dan ulasan yang digunakan secara meluas sebagai standard industri.

Perutusan dari Ketua Pegawai Eksekutif

Kami juga mengekalkan tahap komitmen tinggi dalam membangunkan komuniti di mana kami beroperasi. Selama empat tahun melalui program tanggungjawab sosial korporat kami, A-Book, A-Child, A-Week, kami telah membina hubungan dengan anak-anak muda yang kurang berkemampuan untuk menerapkan minat membaca dan meluaskan minda serta pengalaman mereka. Kami turut menyumbangkan hampir RM1 juta pada 2014 ke arah memajukan komuniti yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah yang melibatkan para pelajar sekolah rendah, pelajar universiti, ibu tunggal dan pesakit kanser. Berikutan kejadian banjir terburuk di bahagian pantai timur Malaysia, usaha bantuan kami diaktifkan sertamerta, yang mana selain pertolongan dalam bentuk kewangan, semua warga kerja serta ejen kami turut menghulurkan kudrat mereka untuk membeli, membungkus dan menghantar keperluan asas dan makanan terus kepada mangsa-mangsa terlibat. Kami kini sedang menjalankan usaha untuk merumuskan bantuan selepas bencana dengan memberikan tumpuan kepada warga kerja, ejen serta pelanggan, dan membantu mereka dalam apa jua cara yang bersesuaian semasa tempoh yang amat menduga ini.

Semua usaha ini telah membolehkan kami menerima pelbagai penghargaan di peringkat tempatan dan antarabangsa sejak dari awal tahun lagi. Kami merakam sejarah dalam industri dengan kemenangan dalam 13 kategori di majlis Anugerah Takaful Starnite Malaysian Takaful Association, di samping menerima dua lagi anugerah peringkat industri iaitu Institutus Takaful Terbaik oleh majalah The Asset di Hong Kong serta Pengendali Takaful Terbaik (Asia) oleh CPI Financial di Dubai.

Sekarang adalah masa yang menarik untuk berada di dalam industri ini berdasarkan pertumbuhan inovasi dan peluang tanpa batasan untuk merealisasikan potensi pasaran takaful. Melihat ke hadapan, kami sentiasa berusaha mencari jalan untuk meningkatkan dan mendalami penglibatan dalam setiap aspek perniagaan kami, agar kami akan kekal sebagai rakan perlindungan yang anda percayai. Terima kasih sekali lagi kerana menjadi sebahagian daripada perjalanan kami.

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Laporan Dana Takafulink ini, sila rujuk di www.prubsn.com.my atau hubungi kami di customer@prubsn.com.my atau 03 2053 7188.

Mari kita saksikan apa yang mampu kita kecap bersama untuk 2015.

OBJEKTIF DANA

Dana Takafulink Dana Ekuiti bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana ke panjang dengan melabur dalam ekuiti-ekuiti patuh Syariah berkualiti tinggi yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

Dana Takafulink Dana Bon bertujuan untuk menyediakan pengumpulan modal jangka sederhana ke panjang melalui pelaburan dalam sukuk yang terpilih.

Dana Takafulink Dana Urus bertujuan untuk memaksimumkan pulangan jangka masa sederhana ke panjang dengan melabur dalam ekuiti-ekuiti patuh Syariah, sukuk dan instrumen pasaran wang Islam melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon serta dalam mana-mana dana Takafulink lain yang mungkin dikenalkan pada masa hadapan.

Dana Takafulink Dana Ekuiti Dinasti bertujuan untuk menyediakan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam pelaburan mematuhi Syariah yang mempunyai pendedahan di rantau Greater China.

ULASAN PELABURAN

Pasaran Ekuiti

Suku tahun pertama 2014 menyaksikan pasaran global bermula dengan agak perlahan dan Indeks Shariah Emas FBM turut menerima tempias penjualan serantau yang terjejas akibat kebimbangan mengenai matawang pasaran baharu yang lemah dan potensi akan berlaku kesan sampingan. Ringgit Malaysia mengalami susut nilai hampir 2% bulan-ke-bulan berbanding Dolar AS sehingga pada akhir Januari 2014. Bagaimanapun, pasaran ekuiti Malaysia masih mengalami peningkatan namun keuntungan telah disekat oleh musim pelaporan pada bulan Februari yang kurang memuaskan. Pada akhir suku tahun pertama 2014, berita kehilangan MH370 telah menyebabkan beberapa kelemahan berlaku, tetapi FBMS berjaya mengatasi sebahagian daripada kerugian tersebut.

Pasaran ekuiti AS mengalami pembedahan pada awal suku tahun kedua 2014 apabila terdapat kebimbangan mengenai penilaian yang terlalu tinggi untuk saham-saham teknologi semasa bermulanya musim pelaporan perolehan, bagaimanapun pasaran kemudiannya mengalami kenaikan untuk mengakhiri suku dengan lebih baik, mencapai paras tertinggi untuk suku tahun tersebut. Pelabur di Malaysia masih memberi tumpuan kepada saham-saham bermodal kecil, namun terdapat sedikit penggabungan pada pertengahan suku tahun kedua 2014 apabila perolehan korporat yang diumumkan semasa suku tahun tersebut agak kurang memberangsangkan dan hampir kebanyakannya dicatatkan lebih rendah dari jangkaan terutamanya di sektor Automotif serta Minyak dan Gas. Sungguhpun begitu, FBMS mengekalkan aliran menaiknya seiring dengan pergerakan pasaran global, mencecah paras tertinggi semasa tempoh tersebut.

Suku tahun ketiga 2014 bermula dengan pembedahan di pasaran AS, sejajar dengan perubahan pasaran global berdasarkan laporan keputusan korporat yang lebih lemah. Pasaran global terus berhadapan dengan kesukaran pada bulan tersebut akibat peningkatan risiko geopolitik yang dikaitkan dengan konflik di rantau Gaza dan ketegangan yang menebal di Rusia pasca tragedi MH17. Di Malaysia pula, badan korporat mengumumkan keputusan kewangan mereka untuk tempoh tersebut yang secara amnya seperti dijangka atau tidak memuaskan berbanding jangkaan konsensus, dengan keputusan yang mengecewakan dari sektor utama seperti minyak dan gas, perbankan dan kewangan, dan perladangan. Pasaran ekuiti menutup akhir suku tahun ketiga 2014 agak rendah berikutan timbulnya kebimbangan mengenai kemungkinan berlakunya kenaikan kadar oleh Rizab Persekutuan Amerika Syarikat, serta kebimbangan global yang mula memberi kesan ke atas sentimen pasaran.

Ulasan Pelaburan

Pasaran Ekuiti (sambungan)

Pasaran global melangkah ke suku tahun keempat 2014 dengan agak lemah, apabila pelabur diselubungi kebimbangan mengenai konflik berterusan di Iraq dan Ukraine serta ketakutan yang dicituskan oleh wabak Ebola. Wall Street bagaimanapun mengalami lonjakan besar berdasarkan perolehan korporat AS yang lebih baik dan data ekonomi yang lebih menggalakkan dari kedua-dua AS dan Eropah. Pasaran ekuiti global masih turun-naik hampir sepanjang suku tahun keempat 2014 di mana pelabur menyaksikan kejatuhan teruk harga minyak mentah apabila OPEC membuat keputusan untuk mengekalkan paras pengeluaran minyak mereka, dan pengukuhan nilai Dolar AS berbanding kebanyakan matawang lain. Suku tahun keempat 2014 merupakan suku yang lemah buat Malaysia apabila harga minyak jatuh dengan ketara dan matawang yang lemah telah menyebabkan FBMS turun ke bawah paras 12,000 mata, yang kali terakhir dicatatkan pada Ogos 2013. Perolehan korporat yang dilaporkan pada suku tahun keempat 2014 masih tidak memuaskan dan harga minyak mentah yang rendah telah menjadikan sektor minyak dan gas mengalami tekanan yang besar, serta memberi implikasi negatif ke atas perbelanjaan modal hadapan untuk industri tersebut. Malaysia mengakhiri suku tahun keempat 2014 dalam suasana yang muram, dicituskan oleh satu lagi tragedi penerbangan, nahas kapal terbang Air Asia QZ8501 dari Surabaya ke Singapura.

FBMS mengakhiri tahun di bawah ulasan pada 12,507.03 mata, turun 4.17%. Indeks Emas FBM pula ditutup pada akhir tempoh di bawah ulasan 6.13% lebih rendah. Indeks MSCI Asia Pasifik kecuali Jepun juga turun 0.2% dalam kiraan USD¹.

Pasaran Sukuk

Pada separuh tahun pertama 2014, pertumbuhan ekonomi Malaysia mencatatkan prestasi kukuh dengan pertambahan eksport, berkembang 6.2% tahun-ke-tahun dan 6.5% tahun-ke-tahun, masing-masing pada suku pertama dan kedua. Paras inflasi turut mencatat kenaikan, berada dalam lingkungan 3.2% - 3.5% sepanjang 6 bulan pertama 2014 berikutan terdapat gangguan bekalan dan kos domestik yang lebih tinggi. Selain itu, pada akhir 2013 hutang isirumah Malaysia juga mencecah paras yang agak tinggi, hampir 87% daripada KDNK – mesyuarat MPC BNM pada 8 Julai turut menyentuh mengenai kekusaran yang dirasakan tentang keadaan tersebut, di mana ia menyuarakan kebimbangan akan berlakunya ketidakseimbangan kewangan yang berlanjutan.

BNM telah menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% semasa mesyuarat MPC pada 10 Julai, perubahan pertama OPR sejak Julai 2011. MPC juga mengambil keputusan untuk menyelaraskan tahap kedudukan kewangan berdasarkan prospek pertumbuhan yang kukuh dan inflasi yang masih berlegar di atas purata jangka panjangnya. Pelarasan ini juga bertujuan untuk menangani ketidakseimbangan ekonomi dan kewangan yang lebih luas yang boleh menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia.

BNM mengekalkan OPR pada kadar 3.25% semasa mesyuarat MPC pada 18 September, memilih untuk memantau lebih risiko yang meyelubungi pertumbuhan dan inflasi serta risiko penyahstabilan ketidakseimbangan kewangan sebelum membuat sebarang perubahan tambahan kepada OPR. Semasa mesyuarat MPC pada 6 November, BNM sekali lagi mengekalkan OPR pada 3.25% dengan unjuran yang lebih berhati-hati untuk pertumbuhan ekonomi dan keadaan inflasi yang semakin sederhana. Jangkaan akan berlaku kenaikan OPR kini ditunda ke separuh tahun kedua 2015. Jika pertumbuhan ekonomi adalah lebih lemah dari jangkaan, kenaikan kadar mungkin akan terus dilewatkan.

¹Sumber: Bloomberg: Indeks Dunia

Ulasan Pelaburan

Pasaran Sukuk (sambungan)

Inflasi utama berkurangan dari 3.2% tahun-ke-tahun pada Disember 2013 kepada 3.0% pada November 2014. Penurunan ini dimangkin oleh kejatuhan dalam inflasi makanan dan minimum bukan-alkohol, yang turun dari 4.5% tahun-ke-tahun pada Disember 2013 kepada 2.9% pada November 2014. Inflasi diramalkan akan naik sedikit pada 2015 atas faktor kos domestik, terutamanya pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan. Ketiadaan tekanan harga luaran dan suasana permintaan yang lebih sederhana dijangka akan mengurangkan faktor kos tersebut ke atas inflasi.

Harga minyak mentah terus menurun pada Disember selepas kejatuhan menggemparkan pada November apabila OPEC mengambil keputusan tidak mengurangkan pengeluaran untuk menyokong harga. Kejatuhan harga minyak telah menimbulkan kebimbangan mengenai sasaran kerajaan Malaysia untuk mengecilkan defisit fiskal KDNK kepada 3% pada 2015 berbanding 3.5% pada 2014; di mana ia akan menjadi lebih sukar untuk dicapai kerana seandainya Petronas mengurangkan bayaran dividennya kepada kerajaan, ia boleh memberi impak negatif ke atas kedudukan ekonomi dan fiskal Malaysia.

Kejatuhan harga minyak juga menjejaskan lebih akaun semasa Malaysia, yang kini bernilai RM7.6bn pada September 2014, nilai terendah sejak Jun 2013. Ringgit jatuh ke paras terendah lebih lima tahun pada awal Januari 2015. Kelemahan ringgit boleh mengganggu minat pelabur asing untuk sekuriti kerajaan Malaysia di masa hadapan. Pegangan asing dalam sekuriti hutang Malaysia jatuh 5.8% (~RM14.5bn) pada November 2014 kepada RM236.5bn, kejatuhan terbesar sejak September 2011.

Untuk tempoh di bawah ulasan, pulangan sukuk kerajaan untuk 3-, 5- dan 10-tahun berubah sebanyak 29bps, 2bps dan -22bps masing-masing untuk ditutup pada 3.67%, 3.98% dan 4.21%. MGII yang bertempoh lebih pendek mengalami pertambahan pada tahun lepas berikutan kenaikan OPR oleh BNM pada bulan Julai serta kejatuhan harga minyak pada akhir 2014, yang memangkin kebimbangan bahawa kerajaan akan gagal mencapai sasaran defisitnya.

Kebiasaannya, pulangan sukuk korporat akan bergerak mengikut pulangan sukuk kerajaan, walaupun lebih perlahan. Aktiviti di pasaran pendapatan tetap korporat telah disokong oleh kecairan yang mencukupi dan suasana kredit yang stabil.

Dari segi bekalan pula, jumlah baki terbitan RM pada akhir Disember 2014 bernilai hampir RM1,111bn, di mana 48% adalah konvensional dan 52% adalah Islamik. Bahagian sukuk korporat daripada keseluruhan sukuk adalah lebih tinggi, hampir 36% berbanding bahagian bon korporat hanya 23% bagi keseluruhan bon konvensional. Kebanyakan terbitan utama adalah dari sektor perbankan dan tenaga serta terbitan jaminan kerajaan. Terbitan utama termasuk RM7.6bn dari DanaInfra Nasional Berhad, RM5.1bn dari Malayan Banking dan RM4.5bn dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

Pasaran Asia-Pasifik kecuali Jepun

Pasaran Asia-Pasifik kecuali Jepun memulakan tahun ini dengan kerugian berikutan kebimbangan besar yang melanda pasaran baharu muncul. Data yang semakin pulih dari India dan Indonesia kemudiannya telah berjaya memangkin saham-saham di rantau ini. Berdasarkan tahun ke hari, pasaran Asia kecuali Jepun mencatatkan prestasi yang lebih baik daripada Jepun dan Eropah sebagaimana diukur oleh Indeks MSCI AC Asia kecuali Jepun dalam kiraan USD.

Indonesia, Filipina dan India adalah tiga pasaran utama untuk 2014. Suasana makro yang semakin baik, keputusan pilihanraya yang positif, dan keyakinan terhadap pelan pemulihan oleh pemimpin baharu di India dan Indonesia telah melonjakkan pasaran tersebut. Kenaikan harga minyak di Indonesia juga membawa reaksi positif di pasaran saham. Pasaran Filipina mengalami kenaikan sepanjang tahun bersandarkan asas yang teguh dan menyebabkan Standard & Poor menaikkan penarafannya satu tahap lagi kepada BBB.

Korea, Malaysia dan Australia mencatatkan prestasi terburuk untuk 2014. Korea telah dijejaskan oleh susut nilai Yen yang mencemarkan daya penarik eksport Korea. Status Malaysia sebagai pengeksport minyak menjadi punca kejatuhan prestasi pasaran apabila harga minyak jatuh merudum. Kejatuhan dolar Australia, harga komoditi yang menurun dan kebimbangan mengenai kemelesetan di China pula telah menjejaskan pasaran Australia.

Pasaran Thai pula mendapat manfaat daripada keyakinan yang semakin pulih dengan adanya kestabilan politik selepas rampasan kuasa tentera namun akhirnya tunduk kepada pengambilan untung menjelang akhir tahun. China pula menokok naik pada suku terakhir tahun, dimangkin oleh jangkaan akan berlaku kelonggaran matawang selepas pemotongan kadar yang mengejutkan oleh People's Bank of China pada bulan November, yang pertama sejak 2012. Pasaran ekuiti Taiwan pula menyaksikan minat belian pada separuh kedua tahun hasil kenaikan sektor teknologi.

Pasaran Global

2014 bermula dengan agak suram. Pengecilan program pelonggaran kuantitatif oleh Rizab Persekutuan AS dan kebimbangan yang kembali menjengah mengenai pertumbuhan di China melemahkan keyakinan di pasaran baharu muncul. Jualan turun aset pasaran baharu muncul telah mencetuskan penularan kebimbangan di peringkat global. Bagaimanapun, ketegasan dan pengesahan bank-bank pusat untuk meneruskan dasar kewangan yang longgar dan tanda-tanda kestabilan di pasaran baharu muncul telah memulihkan sentimen di serata dunia.

Ulasan Pelaburan

Pasaran Global (sambungan)

Namun begitu tahun 2014 dibayangi oleh beberapa tempoh bergolak. Ketegangan geopolitik yang meningkat, seperti campurtangan Rusia di Ukraine dan kekacauan yang meruncing di Timur Tengah serta kadar pertumbuhan dan keuntungan yang mengecewakan di Eropah, China dan Jepun telah mencetuskan beberapa selangan jualan turun. Menjelang akhir tahun, ketegangan politik di Greece, krisis ekonomi di Rusia dan kejatuhan harga minyak telah menyebabkan pasaran global menjadi semakin rendah.

Selangan jualan turun mendedahkan nilai beberapa saham utama; di seluruh rantau Asia, terdapat tanda-tanda penilaian yang kukuh. Nama-nama yang dikaitkan dengan kitaran global mula dijual akibat kebimbangan jangka pendek mengenai pertumbuhan global. Jurang penilaian di antara saham defensif dan berkitar masih kekal lebar.

Terperangkap di dalam suasana ini, ekuiti global hanya mencatat kenaikan 5% dalam kiraan USD seperti dinyatakan oleh MSCI World. Ekuiti AS berada di tangga teratas pada 2014, dimangkin oleh petanda baharu pemulihan ekonomi dan kadar faedah yang dijangka kekal rendah untuk tempoh lebih lama. Di Asia pula, Indonesia, Filipina dan India telah menerajui pasaran. Keputusan pilihanraya yang positif di India dan Indonesia serta suasana makro yang lebih baik telah menjadi tonggak utama ekuiti di pasaran tersebut. Agensi penarafan Standard & Poor telah menaikkan penarafan negara Filipina satu tahap lagi kepada BBB sebagai mengiktiraf ukuran baki bayaran dan fiskal yang kukuh negara tersebut.

Ekuiti Jepun pula berdepan dengan tahun yang amat mencabar, ditekankan oleh pertumbuhan ekonomi yang tidak memberangsangkan. Langkah mengejut yang diambil oleh Bank of Japan pada bulan Oktober untuk meluaskan program pelonggaran kuantitatifnya telah memangkin lonjakan dalam ekuiti tempatan. Hasilnya, Jepun mencatatkan tahun yang baik dalam bentuk Yen tetapi mengalami kerugian apabila dikira dalam USD. Ekuiti Eropah juga turut mencatatkan kerugian, dibelenggu oleh kadar penggangguran yang tinggi dan pertumbuhan suram di rantau tersebut. Spekulasi sama ada Bank Pusat Eropah akan melaksanakan rangsangan tambahan juga menjadi salah satu faktor yang menyebabkan berlakunya pergolakan di pasaran Eropah pada separuh kedua tahun.

Salah satu kejutan terbesar untuk 2014 adalah kejatuhan pulangan bon global. Kenaikan kadar AS yang dinantikan tidak berlaku tetapi Perbendaharaan 10-tahun pula yang telah melonjak naik. Aliran mengecil instrumen hutang kerajaan juga menjadi antara punca yang menurunkan pulangan berbanding suasana kecairan yang bertambah. Kadar tempatan Asia mengalami kejatuhan (biasanya seiring dengan pulangan bon AS). Di beberapa pasaran Asia, faktor domestik telah membantu lonjakan. Secara keseluruhannya, pasaran bon USD Asia telah menghasilkan keuntungan kukuh yang disokong oleh pendapatan kupon manakala kejatuhan yang tidak disangka untuk kadar faedah jangka panjang AS telah membantu meningkatkan prestasi pasaran. Pada 2014, kebanyakan matawang Asia turut mengalami kejatuhan berbanding dolar AS. Optimisme yang menyelubungi ekonomi AS telah membantu dolar AS mengukuh, tetapi pelbagai punca unik telah menyebabkan matawang Asia mengalami susut nilai sepanjang tahun.

PRESTASI DANA

Takafulink Dana Ekuiti

Pada 31 Disember 2014, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana meningkat sebanyak 1.23% ke RM2.0732 berbanding dengan RM2.0481 pada 31 Disember 2013.

Semenjak penubuhannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 107.17%.

Takafulink Dana Bon

Pada 31 Disember 2014, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana meningkat ke RM1.3531 dari RM1.3048 pada 31 Disember 2013, mencatat pulangan sebanyak 3.70% untuk tempoh di bawah tinjauan.

Semenjak penubuhannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 35.27%.

Takafulink Dana Urus

Pada 31 Disember 2014, Nilai Aset Bersih setiap unit Takafulink Dana Urus adalah pada RM1.9028 berbanding dengan RM1.8687 pada 31 Disember 2013, mencatat pulangan sebanyak 1.82% untuk tempoh di bawah tinjauan.

Sejak penubuhannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 90.17%.

Takafulink Dana Ekuiti Dinasti

Pada 31 Disember 2014, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana telah meningkat sebanyak 3.75% kepada RM1.2241 berbanding dengan RM1.1799 pada 31 Disember 2013.

Sejak penubuhannya (5 April 2010), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 22.41%.

TINJAUAN PELABURAN

Pasaran Ekuiti

Dasar kewangan yang sukar diramal, harga komoditi yang masih lemah serta peningkatan risiko geopolitik menyebabkan pasaran global dijangka akan terus mengalami turun-naik yang ketara pada 2015. Bagaimanapun, data ekonomi AS yang dicatatkan kebelakangan ini dilihat lebih kukuh dari jangkaan, dan beberapa ekonomi utama telah mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan.

Dalam negara pula, 2015 dijangka akan terus berhadapan dengan kelemahan permintaan pengguna, di mana kelemahan matawang dan Cukai Barangan dan Perkhidmatan yang bakal dilaksanakan telah menyebabkan pengguna semakin berhati-hati untuk berbelanja. Walaupun harga minyak mentah yang lebih rendah mungkin tidak memberi sebarang manfaat kepada pendapatan kerajaan Malaysia, penetapan harga petrol dan diesel mengikut harga pasaran mungkin dapat meringankan kos kehidupan rakyat.

Walaupun kami berpendapat pasaran Malaysia tahun hadapan perlu dilihat dengan amat berhati-hati, kami percaya langkah-langkah sukar ke arah penggabungan fiskal yang sedang diambil oleh kerajaan adalah satu tindakan yang perlu dilakukan. Kenaikan kadar di AS yang dijangka akan berlaku pada pertengahan 2015 akan menambah tekanan ke atas ringgit yang sedia ada lemah, dan ekuiti dengan pegangan asing yang tinggi mungkin akan terus mengalami tekanan jualan. Mengeneipkan sebarang kejutan yang tidak disangka, kami meramalkan pertumbuhan perolehan korporat akan memangkinkan prestasi pasaran yang lebih baik pada separuh tahun kedua. Pandangan kami ini turut mengambilkira risiko yang dibawa oleh kelemahan ringgit, aliran keluar dana asing yang berterusan serta selama manakah harga minyak mentah akan kekal di bawah USD60/bbl.

Pasaran Sukuk

Semasa mesyuarat MPC pada 6 November, BNM mengekalkan kadar OPR pada 3.25%. MPC menyatakan bahawa kedudukan pendirian kewangan semasa adalah wajar dan sesuai berdasarkan perkembangan yang berlaku dalam situasi kewangan dan ekonomi. Bank Negara dilihat masih ingin mengekalkan kadar yang rendah berbanding semasa mesyuarat pada bulan September, sekaligus menanggukkan kenaikan OPR hingga separuh tahun kedua 2015. Jika pertumbuhan ekonomi adalah lebih lemah dari jangkaan, kenaikan kadar mungkin akan terus dilewatkan.

Inflasi diunjurkan akan meningkat naik dan kekal berada di atas purata jangka panjangnya pada tahun 2015 ini atas faktor kos domestik. Bagaimanapun, ketiadaan tekanan harga luaran dan suasana permintaan yang lebih sederhana dijangka akan mengurangkan faktor kos tersebut atas inflasi.

Pasaran Sukuk (sambungan)

Harga minyak mentah terus menurun pada Disember selepas kejatuhan menggemparkan pada November apabila OPEC mengambil keputusan tidak mengurangkan pengeluaran untuk menyokong harga. Kejatuhan harga minyak telah menimbulkan kebimbangan mengenai sasaran kerajaan Malaysia untuk mengecilkkan defisit fiskal KDNK kepada 3% pada 2015 berbanding 3.5% pada 2014; di mana ia akan menjadi lebih sukar untuk dicapai kerana seandainya Petronas mengurangkan bayaran dividennya kepada kerajaan, ia boleh memberi impak negatif ke atas kedudukan ekonomi dan fiskal Malaysia.

Kejatuhan harga minyak juga menjejaskan lebih akaun semasa Malaysia, dicatatkan pada RM7.6bn, nilai terendah sejak Jun 2013. Ringgit jatuh ke paras terendah lebih lima tahun pada awal Januari 2015. Kelemahan ringgit boleh mengganggu minat pelabur asing untuk sekuriti kerajaan Malaysia di masa hadapan. Pegangan asing dalam sekuriti hutang Malaysia jatuh 5.8%, jatuh paling banyak sejak September 2011, kepada RM236.5bn pada November 2014 berbanding RM251bn pada Oktober.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan selepas mesyuarat mereka pada bulan Disember, Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan menyatakan bahawa ia akan "bersabar" untuk normalisasi "pendirian dasar kewangan". Perkataan "tempoh sewajarnya" yang tertera dalam kenyataan sebelumnya telah dikeluarkan. Pengerusi Fed Janet Yellen kemudiannya menjelaskan bahawa Fed "tidak mungkin memulakan proses normalisasi sekurang-kurangnya sehingga beberapa mesyuarat akan datang", dan pemasangan untuk sebarang kenaikan kadar "sangat bergantung kepada keadaan ekonomi". Pasaran buruh AS masih mengalami pemulihan tetapi inflasi kekal sederhana. Angka inflasi yang tidak dinyatakan, yang mungkin berlanjutan berikutan kejatuhan harga minyak, telah mencetuskan beberapa spekulasi bahawa pihak Fed mungkin akan melaksanakan langkah-langkah pengurangan berbanding jangkaan mereka sebelumnya. Bagaimanapun, pasaran masih menjangkakan kenaikan kadar oleh Fed pada 2015.

Kami meramalkan pasaran pendapatan tetap akan mengekalkan keadaan turun-naik yang ketara berdasarkan risiko geopolitik, pergolakan matawang dan normalisasi dasar kewangan. Harga komoditi, terutamanya CPO dan LNG, prestasi RM serta pelaksanaan GST pada April 2015 akan menjadi pengaruh utama ke atas pasaran pendapatan tetap RM pada 2015.

Tinjauan Pelaburan

Pasaran Asia-Pasifik kecuali Japan

